

KECEMERLANGAN WANITA PROFESIONAL MENGIMBANGI TUGAS RUMAHTANGGA DAN KERJAYA: PERSPEKTIF ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi
Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Md Saleh @ Masrom, S. F. (2005). Kecemerlangan Wanita Profesional Mengimbangi Tugas Rumahtangga dan Kerjaya: Perspektif Islam in *Seminar Wanita Profesional* at Main Hall of Faculty of Education on 29-30 November 2005, pp 1-15.

Abstrak

Islam sentiasa mengajar umatnya untuk cemerlang dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Dalam kehidupan rumahtangga dan berkerjaya bagi seseorang wanita profesional, Islam juga telah memberikan garis panduan pendidikan yang lengkap dan sempurna untuk diikuti dan dipraktikkan. Garis panduan pendidikan yang diberikan oleh Islam kepada wanita dalam menghadapi tanggungjawab rumahtangga dan kerjaya ini mampu menjadikan seseorang wanita benar-benar cemerlang bukan sahaja cemerlang dalam alam rumahtangga bahkan dalam alam kerjayanya. Hasil kerjayanya pula mampu memberikan sumbangan yang besar kepada peningkatan taraf keluarga, kerabat dan umat Islam yang semuanya diiktiraf oleh Islam sebagai satu sumbangan yang besar yang tidak ternilai harganya.

KECEMERLANGAN WANITA PROFESIONAL MENGIMBANGI TUGAS RUMAHTANGGA DAN KERJAYA: PERSPEKTIF ISLAM*

Kamarul Azmi b. Jasmi
Siti Fauziyani bt. Md. Saleh @ Masrom
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Islam sentiasa mengajar umatnya untuk cemerlang dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Dalam kehidupan rumahtangga dan berkerjaya bagi seseorang wanita profesional, Islam juga telah memberikan garis panduan pendidikan yang lengkap dan sempurna untuk diikuti dan dipraktikkan. Garis panduan pendidikan yang diberikan oleh Islam kepada wanita dalam menghadapi tanggungjawab rumahtangga dan kerjaya ini mampu menjadikan seseorang wanita benar-benar cemerlang bukan sahaja cemerlang dalam alam rumahtangga bahkan dalam alam kerjayanya. Hasil kerjayanya pula mampu memberikan sumbangan yang besar kepada peningkatan taraf keluarga, kerabat dan umat Islam yang semuanya diiktiraf oleh Islam sebagai satu sumbangan yang besar yang tidak ternilai harganya.

PENDAHULUAN

Wanita profesional dalam Kamus Dewan (2005: 1233) bermaksud wanita yang bergiat dalam bidang yang memertukan, pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang khusus untuk melaksanakannya; memerlukan kecekapan dan keteraturan selain memperlihatkan kemahiran tertentu seperti dalam bidang undang-undang, perubatan, dan lain-lainnya.

Jadual 1 Bilangan Ahli Profesional yang Berdaftar Mengikut Jantina 2004

Profesion	Jumlah	Lelaki	Wanita	Peratusan
Akauntan	20,019	11,891	8,328	41%
Arkitek Profesional	1,660	1,435	225	13.6%
Arkitek	1,449	1,117	332	22.9%
Jurutera Profesional	10,064	9,780	284	2.8%
Jurutera Siswazah	33,932	29,961	3,971	11.7%
Doktor Gigi	2,589	1,180	1,409	54.4%
Doktor Veterinar	1,312	892	420	32%
Juruukur Tanah	391	390	1	0.3%
Juruukur Bahan	1,695	1,160	535	31.6%
Peguam	11,438	8,391	5,045	44.1%

Sumber: Kementehnan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Wanita Profesional pada 29-30 November 2005 di Fakulti Pendidikan anjuran Pusat Pembangunan Keluarga, Universiti Malaya (UMCFD).

Di Malaysia, statistik (Jadual 1) menunjukkan ramai wanita profesional Berperanan dalam berbagai-bagai bidang ikht ikhtisas yang penting dalam negara. profesionalisme perguruan juga merupakan jawatan yang majoriti dipegang oleh golongan wanita (Jadual 2). Perubahan peningkatan wanita profesional dalam alam pekerjaan di Malaysia berkait rapat dengan tahap pendidikan mereka yang tinggi (Jadual 3).

Jadual 2 Bilangan Guru Sekolah Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan 2003

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	46,128	36.1
Perempuan	81,645	63.9
Jumlah	127,773	100%

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Jadual 3 Peratus Enrolmen Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam Mengikut Peringkat Pengajian Dan Jantina 2003/2004

Jantina	Diploma	Ijazah Pertama	Diploma lepasan Ijazah	Sarjana	Ph.D
Lelaki	40.6%	36.6%	45.1%	51.2%	64.3%
Wanita	59.4%	63.4%	54.9%	48.8%	35.7%

Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Wanita profesional dalam Islam diperlukan bagi memenuhi tuntutan keperluan negara terutamanya yang melibatkan keperluan kebajikan wanita dan pendidikan anak-anak. Syarak sendiri membenarkan mereka keluar bekerja dengan syarat-syarat yang perlu dijaga bagi menjaga kepentingan tujuan asal wanita dijadikan (Anisah Ab. Ghani, 1992).

Di dalam Islam, wanita yang mempunyai pendapatan hasil daripada kerjayanya sebagai wanita profesional akan mendapat dua pahala jika membantu suami dan anak-anaknya (al-Bukhari, 1994: 155/2, Muslim, 2001: 352), ibu bapa, saudara maranya yang terdekat (al-Bukhari, 1994: 184/3 dan Muslim, 2001: 352) dan anak yatim (al-Bukhari, 1994: 155/2).

Nafkah untuk golongan wanita yang ditinggalkan suami, balu atau janda cerai hidup dalam Islam adalah kembali kepada ibu bapa wanita tersebut (al-Zuhaili, 1989: 734/7). Namun, dalam konteks amalan kekeluargaan di Malaysia, ibu bapa berlepas tangan terhadap tanggungjawab ini dan selalunya membiarkan anak mencari upaya nafkah sendiri. Oleh itu, wanita memerlukan pendidikan yang baik seterusnya mempunyai profesion yang baik dalam bidang-bidang profesional agar masa depan mereka lebih terjamin *terutamanya* ketika dalam keadaan hilang tempat pergantungan.

WANITA PROFESIONAL DAN KEBAHAGIAN HIDUP BERUMAHTANGGA

Sekalipun hidup sebagai wanita profesional, tanggungjawab asasi mereka tidak boleh dilupakan. Tujuan menjaga tanggungjawab asasi ini supaya mereka sendiri dapat hidup sebagai wanita yang berbahagia dan cemerlang bukan sahaja di dunia bahkan juga di alam akhirat.

Bahagia di dunia dengan memiliki sebuah keluarga yang harmoni yang sudah tentu bukan datang dari aspek material sahaja, tetapi juga melalui aspek non-material yang terkandung dalam tanggungjawab isteri solehah dalam Islam. Tanggungjawab wanita profesional yang solehah kepada suami apabila tidak diabaikan menjadikan suami menyayangi, mencintai dan menghormatinya, sanggup berlebih kurang dan suka membantu terhadap tanggungjawab isterinya di rumah dan tidak terlalu ego terhadap kelebihan isterinya. Rasulullah s.a.w. bersabda (Ibnu Majah, t.t.: 597/1),

Daripada Abu 'Umamah daripada Nabi s.a.w. sabdanya, "Tidak ada satupun yang lebih baik faedahnya bagi seorang mukmin seJepas bertakwa kepada Allah S.W.T. daripada seorang isteri yang solehah yang keadaannya jika suaminya menyuruhnya (tentang sesuatu yang baik) lantas mentaatinya. Jika suaminya mefihatnya (dengan penglihatan kasih sayang atau nafsu) dia segera mengembirakannya (melunaskannya). Jika suaminya bersumpah (terhadap sesuatu kesalahan yang dengan keazaman tidak mengulanginya) dia cepat memaafkannya. Jika suaminya tiada di sisinya, lurus hatinya menjaga dirinya dan menjaga harta suaminya"

(Ibnu Majah)

Hadis di atas dalam konteks wanita profesional menggambarkan bahawa seseorang itu boleh menjadi isteri solehah dengan selalu mendengar nasihat yang baik sekalipun jawatannya lebih tinggi daripada suaminya, melayan dengan sempurna segala kehendaknya, pemaaf terhadap kesalahannya dan menjaga maruah diri serta mengurus harta suaminya dengan sempurna. Penjagaan ini sudah tentu akan mengembirakan hati suami yang akan menjadi penyebab wujudnya komunikasi dan hubungan yang intim antara kedua-duanya. Hubungan yang baik ini akan menjadi pencetus kepada kebahagiaan hidup.

Agama mengambil peranan mengikat hati manusia untuk saling bertanggungjawab terhadap tugas yang diperuntukkan kepada mereka. Justeru, Isteri solehah dari kalangan wanita profesional perlu mengambil berat terhadap segala urusan bagi peningkatan agama dirinya dan suaminya. Apabila kesedaran agama tinggi antara kedua-duanya barulah rasa tanggungjawab dalam menjalankan kewajipan rumahtangga akan sempurna. Seterusnya, membuahkan hasil kebahagiaan antara suami dan isteri sekalipun mereka sibuk dengan profesion masing-masing. Rasulullah s.a.w. bersabda (al-Tarmidzi, 1994: 65/5 & Ibnu Majah, t.t: 596),

"Daripada Thauban katanya Rasulullah s.s.w. bersabda, "Isteri Mukminah akan membantu suami dalam peningkatan imannya." Riwayat al-Tarmidzi. Dalam riwayat lain, "Wanita mukminah akan membantu kamu dalam urusan-urusan akhiratmu."

(Ibn Majah)

Sifat kewanitaan dan keibuan yang dianugerahkan kepada wanita menjadikan tugas mendidik anak adalah sesuai ditangani oleh wanita sebaik mungkin. Anak-anak perlu dibesarkan dengan penuh kasih sayang, perhatian, belaian, teguran, nasihat dan tunjuk contoh *tau'adan*. Mendapat anak-anak yang soleh merupakan kebahagiaan kedua bagi

seorang wanita profesional selepas mendapat suami yang baik. Ibu bapa biasanya berbangga dengan kejayaan anak-anak dalam pelajaran dan pekerjaan. Tetapi mereka akan lebih berbangga apabila mereka telah tua, sedangkan anak-anak mereka mempunyai akhlak dan kesopanan yang tinggi kepada mereka dengan menunjukkan perhatian, kasih sayang dan menjaga mereka pula dengan baik. Namun, perlu diingat untuk mendapat anak yang terdidik ini memerlukan wanita profesional dan suaminya yang sedia berkorban, memberikan perhatian dan tumpuan yang baik bukan sahaja kepada pelajaran anak-anak tetapi juga didikan agama, akhlak dan nilai yang baik melalui interaksi yang berterusan antara ibu bapa terutamanya ibu dengan anak-anak. Tanggungjawab ini akan ditanya oleh Allah S.W.T. di akhirat nanti (al-Bukhari, 1994: 185/6).

Kebahagiaan wanita profesional di akhirat pula apabila mereka berjaya melaksanakan tanggungjawab terhadap tugas rumahtangga sudah dimaklumi dalam banyak hadis. Tanggungjawab kepada suami yang terlaksana akan diganjarkan dengan syurga. Ini sebagaimana sabdaan Rasulullah s.a.w. yang menegaskan bahawa seseorang wanita termasuk juga wanita profesional jika dia meninggal dunia dalam keadaan suaminya gembira dengannya, sudah pasti dia tergolong sebagai ahli syurga (al-Tarmidzi, 1994: 387/2; Ibnu Majah, t.t.: 595). Begitu juga Rasulullah s.a.w. ada bersabda dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (al-Munziri, 1991: 17/3; Ahmad, 1980),

"Apabila seorang wanita menunaikan solat yang lima waktu, memelihara diri daripada zina, mentaati suaminya, sudah pasti dia akan masuk syurga di mana-mana pintu yang dia kehendaki.". Dalam riwayat Imam Ahmad terdapat penambahan, "...berpuasa Ramadan..."

(Ibnu Hibban)

Mendapat anak yang soleh hasil didikan seorang ibu akan memberikan kebahagiaan kepada dirinya di alam akhirat. Selagi anaknya berdoa dan memberikan sedekah amal atau mengamalkan ajaran agama dan adab kehidupan Rasulullah s.a.w., selagi itulah dia akan mendapat pahala yang besar dan berterusan (Muslim, 2001: 619). Begitu juga anak-anak yang membaca dan mengamalkan ajaran-ajaran al-Quran, dia akan mendapat kemuliaan yang besar di padang mahsyar dengan diberikan mahkota yang sinarannya melebihi cahaya matahari di dunia (Abu Daud, 1994: 340/1).

GARIS PANDUAN WANITA PROFESIONAL KELUAR BEKERJA

Wanita profesional diharuskan bekerja oleh syarak. Mazhab Hanafi membenarkan wanita menjadi kadi dalam hal yang berkaitan dengan selain Hudud dan Qisas. Sedangkan Ibn Jarir al-Tabari membenarkan secara mutlak wanita menjadi kadi (al-Zuhaili, 1989: 482/6). Dalam sesetengah keadaan pula wanita profesional yang keluar bekerja untuk memenuhi bidang-bidang yang berkaitan dengan kepakaran sakit puan, kedokteran, pendidikan dan bidang yang sememangnya hanya boleh dilakukan oleh wanita boleh mencapai hukum fardu kifayah, kerana dalam kaedah fiqh seperti dalam bidang rawatan bahawa wanita tidak boleh dirawat oleh lelaki melainkan jika darurat.

diabaikan. Ini bertujuan menjaga kebahagiaan dan ketenangan rumahtangga selain dapat membangun dan membesarkan anak-anak dengan didikan yang sempurna (Anisah Ab.

Ghani, 1992). Namun, perlu diingat bahawa tanggungjawab wanita profesional terhadap tanggungjawab rumahtangga adalah wajib sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis yang berbunyi (al-Bukhari, 1994: 185/6), "*Dan wanita juga merupakan pengurus bagi rumah suaminya dan akan ditanya. tentang kecekapan pengurusannya.*" Sedangkan tanggungjawab mereka mencari nafkah pula hanya merupakan satu keharusan. Ini kerana suami mereka sudah diwajibkan mencari nafkah. Justeru itu, wanita profesional jangan sampai mengorbankan kewajipan untuk mendapatkan keharusan.

Wanita profesional yang ingin keluar bekerja perlu mengikut garis panduan diri agar mereka dapat melaksanakan tugas mereka sebagai wanita profesional di rumah dan di tempat kerja dengan mengikut landasan Islam yang betul. Dengan ini keseimbangan antara tugas dan kewajipan di rumah dan di tempat kerja dapat dilaksanakan dengan baik. Garis panduan ini boleh disimpulkan seperti berikut:

Mendapat Keizinan Suami

Syarat wanita profesional meminta izin suami keluar bekerja mestilah dipenuhi. Ini kerana wanita sekalipun wanita profesional tidak boleh keluar rumah tanpa keizinan suami. Satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar katanya (al-Zuhaili, 1989: 336/7),

"Seorang wanita datang kepada Nabi s.a.w. dan bertanya, "Wahai Rasutuliah! Apakah hak suami yang periu ditunaikan oleh isteri? Rasulullah s.a.w. menjawab, "Haknya yang perlu ditunaikan oleh isteri bahawa dia jangan keluar rumah melainkan dengan keizinannya kerana jika dia berbuat demikian Allah S.W.T., malaikat rahmat dan malaikat lain membencinya sehingga dia kembali."

Hak keizinan untuk bekerja dalam satu-satu jawatan hanya diperlukan sekali sahaja selagi suaminya tidak meniadakan keizinan yang diberikan sebelumnya. Jika bertukar kerja keizinan baru diperlukan. Begitu juga apabila melibatkan kawasan yang di luar tempat kerja keizinan diperlukan oleh isteri daripada suaminya. Namun perlu diingat bahawa, makluman kepada suami tentang balik lewat, bekerja di luar kawasan dan sebagainya bukanlah satu keizinan.

Kadang-kadang ada sesetengah suami tidak member! keizinan kepada isteriyang yang berstatus profesional untuk bekerja. Jika keadaan ini berlaku, wanita boleh menggunakan kuasa kelembutan, pujukan dan belaiannya yang sudah tentu akan melembutkan kekerasan hati suami untuk memberikan keizinan.

Menjaga Batas Aurat, Perhiasan dan Komunikasi

Wanita profesional perlu menjaga batas-batas yang dibenarkan dalam syarak termasuk memakai pakaian keseluruhan badan kecuali muka dan tapak tangan (al-Zuhaili, 1989: 336/7) dengan penggunaan tudung yang labuh menutup dadanya (Abdullah Basmeih, 1999: 899) selain tidak memakai pakaian yang ketat dan jarang (al-Sharbini, 2004: 256).

Batas-batas perhiasan juga perlu dijaga dengan berpakaian kemas tetapi tidak bersolek dengan niat untuk menunjukkan kecantikan diri kepada orang lain. Perhiasan rantai tangan yang tidak melampau dan cincin dibenarkan syarak sebagaimana ayat 31 dalam surah al-Nur (Ibnu Kathir, 1993: 274/3).

Selain perhiasan, komunikasi juga mestilah dibataskan kepada percakapan yang perlu sahaja di samping jangan sengaja melunak-manjakan suara kepada lelaki yang ajnabi. Ini sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nur ayat 32 yang berbunyi (Abdullah Basmeih, 1999: 1108),

"...Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit datam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

Pakaian yang sempurna dari segi penjagaan aurat, solekan dan hiasan yang dibenarkan Islam serta komunikasi yang betul dan tepat, semuanya bertujuan menjaga maruah wanita selain menjauhkan mereka daripada fitnah ketika bekerja.

Memilih Pekerjaan yang Sesuai

Pekerjaan yang sesuai untuk wanita profesional sudah tentulah pekerjaan yang boleh mengimbangi mereka dalam melaksanakan urusan rumahtangga dengan sempurna. Jika sesuatu pekerjaan yang diceburi oleh wanita profesional keterlaluan sehingga boleh menafikan tanggungjawab mereka terhadap rumahtangga seperti banyak kerja luar daerah serta mengubah tabiat kewanitaan seperti kerja-kerja yang kasar sebagai jurutera ukur bahan, jurutera enjin dan jurutera elektrik dan sebagainya, maka pekerjaan ini tidak digalakkan untuk mereka.

Sebaik-baik pekerjaan bagi seseorang wanita profesional ialah apabila dia boleh bekerja di rumahnya. Sebagai contoh menjadi arkitek yang profesional, pereka dalaman dan pencipta program komputer di rumah. Dengan ini, mereka boleh menumpukan pekerjaan mereka di samping tidak melalaikan urusan rumahtangga mereka.

Selain itu, suasana pekerjaan yang boleh menimbulkan fitnah kepada wanita profesional dalam bentuk seperti gangguan seksual perlu, pelanggaran maruah diri dan sebagainya juga tidak diharuskan oleh syarak bagi menjamin keselesaan dan kesucian diri mereka (Anisah Ab. Gani, 1992).

MEMBINA KESEIMBANGAN ANTARA KERJAYA DAN RUMAHTANGGA

Wanita profesional seringkali menghadapi masalah dalam mengimbangi antara kerjaya mereka dengan urusan rumahtangga. Ini kerana setiap wanita profesional berbeza situasi mereka antara satu sama lain. Sama ada perbezaan itu melibatkan diri wanita itu sendiri, situasi rumahtangganya malah situasi pekerjaannya.

Di kalangan wanita ada yang memiliki semangat kental, bijak dalam tindakannya serta cekap pengurusannya. Dia mampu menjadi pengurus yang baik di tempat kerjanya, di samping mampu menjadi pengurus yang cemerlang di rumahnya. Golongan ini sangat dialu-alukan untuk melibatkan diri menjadi wanita profesional. Sesetengahnya pula hanya mampu membuat salah satu kerja sahaja. Jika dia menumpukan urusan kerjaya profesionalnya, rumahtangga dan anak-anaknya menjadi terbiar ibarat kapal yang karam dan sebaliknya jika dia menumpukan kepada rumahtangganya, kerjayanya pula akan tunggang-langgang yang menyebabkan wanita ini hilang keparcayaan orang dalam memberi amanah pekerjaan

kepadanya. Golongan ini perlu mengambil keputusan untuk hanya melibatkan diri dalam urusan rumahtangga mereka.

Begitu juga dengan persekitaran rumahtangga wanita profesional berbeza antara satu sama lain. Ada di kalangan wanita yang memiliki suami yang bertimbang rasa, sihat tubuh badan dan membantu meringankan beban urusan rumahtangga. Sesetengahnya pula berkeadaan sebaliknya. Sebahagian wanita profesional memiliki anak-anak yang sihat, cergas dan cerdik, manakala sebahagian yang lain pula memiliki anak yang selalu sakit atau cacat, kurang bijak atau nakal. Sebahagian wanita profesional tidak terganggu dengan campurtangan keluarga dan kerabat dalam rumahtangganya, dan sebahagiannya pula selalu terganggu.

Jika seorang wanita profesional memiliki suami dan anak serta keluarga dan kerabat yang memberi keselesaan kepada dirinya dalam kerjaya, maka dia sangat dialu-alukan untuk melibatkan diri dalam bidang profesional dan begitulah sebaliknya. Justeru itu, bagi wanita profesional yang mendapati tuntutan dan keadaannya memerlukan dia berada di rumah, maka dia perlu membuat keputusan yang bijak untuk tidak berkerjaya sekalipun mempunyai pendidikan yang tinggi. Tetapi sekiranya situasinya selesa untuk menjadi wanita profesional yang berkerjaya, maka dia perlu berusaha mengimbangi antara kerjaya dan rumahtangga dengan memastikan perkara-perkara berikut:

Matlamat dan Tujuan

Matlamat kehidupan seorang wanita profesional yang utama adalah rumahtangga dan pekerjaan bukanlah sebagai *escapism* daripada memikul beban mengurus rumahtangga. Dengan matlamat ini, dia mampu menangani pangaruh luar yang cuba membentuk dirinya supaya melalaikan rumahtangga berbanding kerjaya. Dia juga sudah pasti dia tidak akan sanggup mengorbankan rumahtangga untuk mencapai kejayaan kerjayanya. Ini kerana matlamat yang betul *insyaallah* akan menghasilkan hasil yang betul (al-Bukhari, 1994: 23; Muslim, 2002: 738).

Begitu juga, tidaklah sampai wanita ini mengorbankan maslahat masyarakat Islam dengan tanggungjawab sebagai wanita profesional hanya kerana memberi keutamaan kepada rumahtangganya sahaja. Apa sahaja keputusan yang dilakukan mesti ikhlas bertujuan untuk memberi faedah kepada agama, diri, keluarga dan kerjaya.

Layanan Terhadap Suami

Hidup sebagai wanita profesional perlu peka dengan layanan dan penghormatan terhadap suami. Wanita profesional perlu meletakkan suaminya di tempat yang betul sebagai ketua keluarga kerana ini *adalah* fitrah kejadian lelaki yang diciptakan Allah S.W.T. (al-Nisa': 34). Penghormatan wanita profesional terhadap suaminya di rumah sebagai ketua keluarga sekalipun jawatannya lebih tinggi di luar rumah akan mendatangkan rasa hormat suami terhadap isterinya. Wanita profesional boleh memberikan pandangan yang bernas dalam mesyuarat keluarga dalam sesuatu isu kepada suaminya, tetapi keputusan biarlah suami yang memutuskannya. Dengan sikap ini, tiada jurang yang akan wujud dalam hubungan antara suami dan isteri kerana isteri menolong suami menjadi pemimpin sebenar dalam rumahtangga.

Kelakuan dan tindakan daripada wanita profesional terhadap suami perlu dijaga jangan sampai jawatannya di luar rumah terbawa-bawa dalam rumahtangganya. Sumbangan isteri

dalam rumahtangga, jangan sampai menafikan langsung kebaikan dan sumbangan suami. Hal ini biasanya dilakukan oleh isteri ketika mereka sedang marah atau berlaku perselisihan sebagaimana wasiat Rasulullah s.a.w. kepada mereka (Ahmad, 1980), "*Wahai para wanita perbanyakkan sedekah kerana aku melihat kamu banyak di dalam neraka disebabkan banyak melaknat suami dan menafikan (sumbangan kebaikan) mereka.*" Apa sahaja sumbangan suami terhadap keluarga dalam bentuk nafkah, kasih sayang, cinta, layanan yang baik perlu dihargai dan selalu diingati. Dengan ini hati wanita akan dipenuhi cinta dan hubungan akan menjadi rapat.

Rahsia yang paling baik menjaga hubungan antara wanita profesional dengan suami dalam rumahtangga terdapat dalam rahsia wanita diwajibkan menunaikan keperluan seksual suaminya. Gambaran Rasulullah s.a.w. tentang malaikat melaknat isteri yang enggan melayani kehendak suami dalam hal tersebut (Muslim, 2001: 524); kewajipan melayani kehendak tersebut sekalipun sedang sibuk di dapur (al-Tarmidzi, 1994: 386/2) atau berada di atas kenderaan (Ibnu Majah, t.t.: 595) menunjukkan salah satu kunci kebahagiaan suami ialah hubungan yang baik dalam hal tersebut. Oleh itu, wanita profesional perlu memastikan layanan seksual ini dalam bentuk layanan terbaik sehingga suami berpuas hati. Dengan ini wanita profesional dianggap telah berjaya menyeimbangkan antara kerjayanya dan rumahtangganya.

Peranan Suami

Peranan suami yang memiliki isteri bergelar wanita profesional mestilah berbeza kerana kekangan masa dan kepenatan yang dialami oleh isteri yang memiliki dua tugas dan tanggungjawab. Suami sudah tentu akan mendapat sedikit sebanyak sokongan ekonomi daripada isterinya yang berjawatan. Justeru itu, suami perlu bertimbang rasa dengan membantu sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab isteri dalam urusan rumahtangga dan mendidik anak-anak. Ini juga merupakan satu bentuk layanan yang baik yang disuruh oleh Islam kepada para suami terhadap isteri-isteri mereka. Allah berfirman (Abdullah Basmeih, 1999: 185), "*Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik.*" (al-Nisa': 19).

Ibnu Kathir (1993: 442/1) dalam mensyarahkan ayat ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T. memerintahkan para suami agar memperbaiki komunikasi dengan isteri dan memperelokkan layanan, akhlak dan tingkah laku mereka seberapa daya yang mereka mampu sebagaimana mereka juga ingin dilayan dengan baik. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam firmanNya, "*Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami dari segi layanan) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syara/^.*" (al-Baqarah: 228).

Ibnu Kathir (1993: 442/1) menambah bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri bersabda (Ibnu Majah, t.t.: 636), "*Sebaik-baik kamu ialah orang yang paling baik dengan isterinya. Dan aku merupakan orang yang paling baik terhadap isteriku dari kalangan kamu.*" Ini dibuktikan dengan tingkah laku, akhlak dan layanan Rasulullah s.a.w. terhadap isteri-isterinya. Baginda s.a.w. selalu mengembirakan isterinya, bergurau senda, sangat lemah lembut dengan mereka serta tidak berkira dalam perbelanjaan dan pertolongan terhadap ahli keluarganya. Baginda juga suka bergelak ketawa dengan isterinya sehingga baginda pernah berlumba lari dengan Saidina 'Aishah (Ibnu Majah, t.t.: 636). Cara layanan ini diperintah oleh Allah untuk diikuti

oleh para suami jika mereka benar-benar beriman kepada-Nya dan hari Akhirat (al-Ahzab: 21).

Namun begitu, wanita profesional juga mesti memahami bahawa kerjasama suami di rumah bukanlah sesuatu yang asasi. Pertolongan mereka bergantung kepada kelapangan mereka. Sebab itu, Dr. Anisah Ab. Gani (1992: 121) menjelaskan,

"Kita tidak berpendapat suami mesti membantu urusan rumahtangga semata-mata untuk menjamin kejayaan kerja-kerja wanita. Kecualilah kerjaya itu merupakan suatu yang sangat perlu untuk masalah ummah atau rumahtangga itu sendiri."

Oleh itu, wanita profesional yang bekerja tidak seharusnya mendesak suaminya membantu urusan rumahtangga yang sememangnya adalah tanggungjawab asasi isteri. Namun jika mereka dibantu oleh suami dalam urusan rumahtangga, mereka janganlah pula menyalahgunakan bantuan tersebut untuk melepaskan diri daripada menjalankan tanggungjawab rumahtangga mereka.

Hubungan Rapat dengan Anak-anak

Wanita profesional sudah tentu mempunyai kekangan masa yang besar antara dirinya dengan anak-anaknya yang masih bayi atau kecil. Namun, kekangan ini perlu diatasi dengan bijak bersandarkan tuntutan Islam. Dalam Islam, hubungan antara bayi atau kanak-kanak dengan ibu mereka merupakan hubungan yang sangat penting yang perlu dijaga dan diberi perhatian sebaik-baiknya. Beberapa perkara perlu diberi perhatian sekalipun sibuk dengan urusan profesionnya.

Wanita profesional perlu memastikan mereka dapat memberikan susu ibu sebagai santapan utama bayinya. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk memastikan seorang bayi tidak terlepas daripada mendapat manfaat susu ibu. Sebagai contoh, susu ibu boleh diperah dan disimpan di tempat yang sejuk dan diberikan kepada anak ketika ibunya bekerja. Amalan ini disunatkan dalam Islam kerana susu ibu dianggap susu yang terbaik berbanding susu yang lainnya (Badir Muhammad Badir, 1992: 57). Sebagaimana firman Allah yang bermaksud, *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu."* (al-Ahqaf: 15). Secara fitrah, penyusuan ibu menjadikan anak-anak rapat dengan ibunya sejak kanak-kanak sehinggalah mereka dewasa.

Penjagaan pemakanan dan kesihatan anak-anak juga merupakan tanggungjawab yang perlu diberi perhatian oleh wanita profesional. Penjagaan kesihatan termasuklah mencegah anak-anak daripada jatuh sakit dengan menjaga kebersihan anak-anak pada makanannya, pakaiannya dan tempat jagaannya (Badir Muhammad Badir, 1992: 60). Anak-anak diberikan makanan yang halal dan berkhasiat (al-Nahl: 114) dengan sebaik-baiknya disediakan sendiri sebelum keluar bekerja untuk sarapan pagi dan makan tengahari. Ini bagi menjamin kebersihan penyediaannya. Kesempatan perlu diambil untuk makan berjemaah dengan anak-anak dan suami kerana dengan berjemaah *terdapat* keberkatan pada makanan dan pemakannya (Abu Daud, 1994: 205/2). Selain itu, peluang ini boleh diambil untuk mendidik anak-anak dengan didikan adab kehidupan Rasulullah s.a.w. ketika makan.

Anak yang sakit pula perlu ditemani oleh ibunya. Sewajarnya wanita profesional mengambil cuti dan disegerakan rawatan sakitnya dan tidak mamadai dengan hanya bertawakal sahaja kepada Allah S.W.T. (Badir Muhammad Badir, 1992: 65) kerana Dia memberikan penyakit dan dia juga memberikan penawarnya (al-Bukhari, 1994: 15/7) agar manusia berusaha dan bertawakal kepada-Nya.

Wanita profesional perlu memberi perhatian terhadap perkembangan emosi anak-anak melalui kasih sayang yang dicurahkan dan layanan yang adil antara anak-anak. Memeluk anak dan menciumnya merupakan amalan Rasulullah s.a.w. (Muslim, 2001: 883) yang digalakkan untuk dipraktikkan ketika hendak pergi kerja dan ketika kembali. Dengan ini ikatan kasih sayang wanita profesional akan terjalin berterusan sekalipun berjauhan dengan anak-anaknya. Begitu juga, kasih sayang yang dicurah perlulah ditunjukkan secara adi! dan jangan sampai anak-anak menyedari diri mereka didiskriminasikan oleh ibu bapa terutamanya dalam bentuk pemberian hadiah, layanan dan memek kegembiraan (Abu Daud, 1994: 159/2).

Menurut Dr. Badir Muhammad Badir (1992: 70) bahawa anak yang berumur tujuh tahun ke bawah merupakan peringkat yang baik untuk mendidik mereka dengan didikan permainan. Oleh itu, wanita profesional perlu mencari ruang masa bergurau senda, bermain atau menemani anak mereka bermain agar perkembangan jasmani anak-anak dapat tumbuh dengan sempurna. Pendidikan iman, Islam dan al-Quran merupakan didikan asas yang wajar diberikan tumpuan oleh seseorang wanita profesional dan suaminya secara kolektif terhadap anak-anak mereka. Jundub b. Abdullah r.a. berkata (Ibnu Majah, t.t.: 23/1),

"Sewaktu kami masih kecil kami selalu bersama dengan Nabi s.a.w. Baginda mengajar kami tentang keimanan sebelum kami belajar al-Quran. Apabila kami belajar pula al-Quran kami dapati keimanan kami semakin mantap dan bertambah."

Selain itu, wanita profesional juga perlu tegas tentang didikan mengamalkan ajaran yang difardukan Allah S.W.T. kepada anak-anak terutamanya dalam hal solat. Sekalipun mereka sibuk bekerja, dengan menggunakan kemudahan telefon, mereka boleh memantau anak-anaknya agar mereka tetap kekal solat bermula umur tujuh tahun sebagaimana yang diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. (al-Tarmidzi, 1994: 416/1). Penjagaan solat ini membantu anak-anak menjadi manusia yang seimbang emosinya, pemurah sifatnya (al-Ma'arij: 19-22) dan tidak mudah terjerumus dan terjerat dengan perkara-perkara yang tidak baik sama ada daripada faktor luaran mereka atau dalaman mereka (al-'Ankabut: 45).

Yang terakhir, perhatian wanita profesional dan suaminya terhadap anak-anak mereka ialah dari segi galakan mengamalkan akhlak yang baik terutamanya melalui contoh tauladan di samping memerhatikan kawan-kawan anak, mengajarkan mereka tentang adab kehidupan Rasulullah s.a.w. dan mendoakan mereka.

Mengajarkan akhlak yang baik termasuk tidak mengajarkan mereka dengan amalan berbohong sebagaimana larangan Rasulullah s.a.w. terhadap ibu bapa yang sudah berjanji memberikan sesuatu kepada anak-anaknya kemudian mereka membohongi mereka pula (tidak ditunaikan janji) (Ahmad, 1980; al-Munziri, 1991).

Wanita profesional perlu perihatin terhadap kawan anak-anaknya. Kerana anak itu akan mengamalkan kelakuan dan tindakan mereka. Hal ini ditegaskan suruhan Rasulullah

yang menyatakan (al-Tarmidzi, 1994: 178/4), "*Jangan kamu berkawan melainkan orang yang mukmin dan janganlah makan makananmu melainkan orang yang takwa.*"

Mengajar adab kehidupan yang baik dan mulia merupakan tuntutan yang dikehendaki terhadap anak-anak dalam rangka hubungan anak dengan ibunya yang berkedudukan wanita profesional. Ini adalah kerana, tidak ada satu pemberian pun yang paling berharga daripada ibu dan bapa kepada anak-anaknya melainkan pendidikan adab dan sopan (al-Hakim, 2001: 187/5).

PENUTUP

Wanita profesional di Malaysia merupakan golongan yang memberi sumbangan kepada kemaslahatan *negara* dan umat Islam. Mereka berhak mendapat kebahagiaan di dunia dengan mendapat suami yang baik dan anak-anak yang berbakti. Namun, usaha perlu dilakukan oleh golongan wanita profesional supaya ciri-ciri wanita yang solehah terhadap suami dan Allah S.W.T. dapat dihayati agar hubungan yang baik antara suami dan isteri akan memancarkan kebahagiaan antara kedua-duanya. Selain itu, tanggungjawab kolektif wanita profesional dengan suaminya terhadap didikan anak-anak pula akan meingkatkan lagi *s'tnar* kegembiraan mereka. Ini bergantung kepada keikhlasan matlamat wanita profesional terhadap rumahtangga mereka selain bantuan suami dalam menyempurnakan kekurangan yang kedapatan dalam usahanya memikul dua tanggungjawab sebagai pengurus rumahtangga dan orang yang berkerjaya.

RUJUKAN

- _____ (2004). *Statistik*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2004. <http://www.kpwkm.gov.my/bm/statistic>.
- _____ (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Basmeih, (1982). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Daud, al-Imam Abu Daud Sulaiman b. al-Ash'ath al-Sajastani (1994). *Sunan AbiDaud*. Beirut: Daral-Fikr. Jil. 1-2.
- Ahmad b. Hambal, al-Imam (1980). *Masnad ai-Imam Ahmad*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bukhari, al-Imam (1994). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh.
- Abd. Aziz Abdullah. Jilid 1-8. Al-Hakim, al-Hafiz Abu 'Abdullah Muhmmad b. 'Abdullah al-Naisaburi (2001). *Al-Mustadrak 'ala al-Sohabain*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Munziri, Al-Imam Al-Hafiz Abd Al-Azim b. Abd Al-Qawi, (1991). *Al-Tarhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*. Bairut: Dar (Uaktabah al-Hayah. Jil. 1-4. Al-Sharbini, Sheikh Jubli al-Syafie (2004). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Darul Fikr. Jil. 1-4.
- Al-Tarmidzi, al-Imam (1994). *Sunan al-Tarmidzi*. Beirut: Daral-Fikr. Jilid 1-5. Al-Zuhaili, Wahbah, (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Juz 1-8.
- Anisah Ab. Ghani, Dr. (1992). *Wanita Bekerja: Permasalahan dan Penyelesaian Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Majalah Elmiyah bil. 11.1992.
- Badir Muhammad Badir, Dr. (1992), *Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyah fi al-Tarbiyyah al-Insan*. Al-Qahirah: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyyah bi al-Mansurah.

- Ibn al-Kathir, Imad al-Din Abu al-Fid Ismail bin Kathir (1993). *Tafsir al-Quran al-AYim*. Al-Qahirah: Daral-Hadith, Juz. 1-4.
- Ibnu Majah, al-Imam al-Hafiz Abu Abdullah Muhammad b. Yazid al-Qazwiniy (t.t.). *Sunan Ibnu Majah*. Mesir: Dar al-Fikr. Jilid 1-2.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.

Biodata Penulis

Kamarul Azmi b. Jasmi ialah seorang pensyarah di Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dan Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban di Universiti Malaya. Beliau pernah berkhidmat dalam sektor pendidikan sebagai guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kerajaan sebelum menjadi pensyara pada tahun 1999. Beliau aktif dalam aktiviti penyelidikan, penulisan buku, penulisan artikel dan pembentangan kertas kerja di peringkat antarabangsa dan kebangsaan terutamanya dalam bidang Pendidikan Islam.